



## **HOSPITAL SERI MANJUNG**

### **DOKUMEN SEBUTHARGA**

**SEBUTHARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR REAGEN RENTAL SECARA  
PUKAL UNTUK UJIAN RUTIN BOKIMIA  
BERSAMA AUTOMATED ANALYSER  
DI HOSPITAL SERI MANJUNG BAGI TEMPOH ENAM (6) BULAN**

**NO. SEBUTHARGA : HSM/2018/SH/16  
TARIKH TAWARAN DIBUKA : 28 MAC 2018 (RABU)  
TARIKH TAWARAN DITUTUP : 06 APRIL 2018 (JUMAAT) JAM 12.00 TENGAH HARI  
KELAS/ KOD BIDANG : 050102 DAN 060101**

**PENYEBUTHARGA DIKEHENDAKI MEMBACA DAN MEMAHAMI KESELURUHAN BUTIR-  
BUTIR YANG TERKANDUNG DI DALAM DOKUMEN SEBUTHARGA. PENYEBUTHARGA  
YANG MEMBUAT KESILAPAN DAN TIDAK MEMATUHI MANA-MANA FASA DI DALAM  
DOKUMEN INI BOLEH MENYEBABKAN SEBUTHARGA TERSEBUT TIDAK  
DIPERTIMBANGKAN.**

**- JAUHILAH DARI AMALAN RASUAH –  
KERAJAAN MALAYSIA**

### KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Pembekal/Kontraktor yang berpengalaman serta berkeupayaan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang berkaitan dengan pendaftaran yang masih sah laku tempohnya adalah dipelawa untuk membuat tawaran harga bagi perkhidmatan berikut :-

I)	<b>NO. SEBUT HARGA</b>	:	<b>HSM/2018/SH/16</b>
II)	<b>TAJUK SEBUT HARGA</b>	:	<b>SEBUTHARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR REAGEN RENTAL SECARA PUKAL UNTUK UJIAN RUTIN BIOKIMIA BERSAMA AUTOMATED ANALYSER DI HOSPITAL SERI MANJUNG BAGI TEMPOH ENAM (6) BULAN</b>
III)	<b>KELAYAKAN PENYEBUT HARGA</b>	:	<b>PENYEBUT HARGA YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA YANG MASIH BERKUATKUASA DI BAWAH :- KOD BIDANG : 050102 DAN 060101 EPEROLEHAN (EP) <i>ENABLE</i></b>
IV)	<b>TARIKH IKLAN SEBUT HARGA</b>	:	<b>28 MAC 2018 (RABU)</b>
V)	<b>TARIKH TUTUP SEBUT HARGA</b>	:	<b>06 APRIL 2018 (JUMAAT) JAM 12.00 TENGAHARI</b>

Dokumen sebutharga boleh diperolehi secara percuma pada waktu pejabat di Unit Perolehan, Hospital Seri Manjung, 32040 Seri Manjung Perak.

Dokumen Sebut Harga yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri ditulis pada bahagian atas kiri sampul surat tersebut No. Sebut Harga : **HSM/2018/SH/16** dan dimasukkan ke Peti Sebut Harga jabatan.

Tarikh Tutup Sebut Harga : **06 April 2018 (Jumaat) pukul 12.00 tengah hari** dan dikemukakan melalui **pos/serahan tangan** ke butiran alamat seperti berikut :

Pengarah Hospital  
Hospital Seri Manjung  
32040, Seri Manjung  
Perak Darul Ridzuan

NO Tel : 05-6896604/6952  
NO Faks : 05-6884013

**Pihak Hospital Seri Manjung** tidak akan bertanggungjawab ke atas dokumen sebutharga yang dihantar melalui kiriman pos sekiranya berlaku sebarang kelewatan, kehilangan atau lain-lain lagi.

**Pihak Hospital Seri Manjung** tidak akan terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran sebut harga.

Penyebut harga menanggung sendiri semua kos yang terlibat berhubung dengan sebutharga yang disertainya.

**Tarikh : 28 March 2018**

## ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

### 1. PERIHAL SEBUT HARGA

- 1.1 Sebut Harga ini adalah bagi **Sebutharga Membekal dan Menghantar Reagen Rental Secara Pukul Untuk Ujian Rutin Biokimia Bersama Automated Analyser di Hospital Seri Manjung Bagi Tempoh Enam (6) Bulan**. Sebut Harga ini adalah tertakluk kepada Arahan dan Syarat yang telah ditetapkan.
- 1.2 Sebut Harga dibuka kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kewangan Malaysia yang masih berkuatkuasa di bawah **Kod Bidang 050201 – Kelengkapan dan Peralatan Perubatan DAN 060101 – Kimia Makmal dan ePerolehan (eP) enable**.
- 1.3 Sebut Harga ini akan ditutup pada **06 April 2018 (Jumaat) pukul 12.00 tengah hari**.

### 2. DOKUMEN SEBUT HARGA

- 2.1. Penyebut Harga diwajibkan mengisi lengkap segala butir-butir yang diperlukan dalam dokumen Sebut Harga. Dokumen-dokumen yang perlu disikan adalah seperti berikut :-

<b>DOKUMEN AM</b>			
1	Syarat-syarat Am Sebutharga	:	<b>Lampiran 1</b>
2	Syarat-syarat Khas Sebutharga	:	<b>Lampiran 2</b>
3	Syarat-syarat Wajib Sebutharga	:	<b>Lampiran 3</b>

<b>DOKUMEN UNTUK PENILAIAN TEKNIKAL</b>			
1	Jadual Pematuhan Spesifikasi	:	<b>Lampiran 4</b>
2	Katalog (Jika ada)	:	<b>Sila lampirkan</b>
3	Keterangan Mengenai Penyebutharga	:	<b>Lampiran 5</b>
4	Senarai Pengalaman Bekalan	:	<b>Lampiran 6</b>

<b>DOKUMEN UNTUK PENILAIAN KEWANGAN</b>			
1	Surat Akuan Penyebutharga	:	<b>Lampiran 7</b>
2	Jadual Harga Tawaran	:	<b>Lampiran 8</b>
3	Jadual Harga Tawaran Terperinci	:	<b>Lampiran 9</b>
4	Surat Akuan Pembida (Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida hendaklah juga melampirkan <b>Surat Perwakilan Kuasa</b> menandatangani bagi pihak syarikat)	:	<b>Lampiran 10</b>
5	Borang Servis Penyelenggaraan Dan Maklumat Kakitangan	:	<b>Lampiran 11</b>
6	Surat Wakil Kuasa	:	<b>Lampiran 12</b>
7	Penyata Akaun Bank Terkini (Februari 2018, Januari 2018 dan Disember 2017)	:	<b>Sila lampirkan</b>
8	Salinan Sijil Pendaftaran Kewangan yang masih sah	:	<b>Sila lampirkan</b>
9	Salinan Sijil Pendaftaran GST (jika ada)	:	<b>Sila lampirkan</b>
10	Salinan Sijil Akuan Bumiputera	:	<b>Sila lampirkan</b>
11	Salinan Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang masih sah	:	<b>Sila lampirkan</b>
12	Salinan Sijil Peranti Perubatan (MDA)	:	<b>Sila lampirkan</b>
13	Profail syarikat terkini	:	<b>Sila lampirkan</b>

### 3. CARA-CARA MENGISI BORANG SEBUTHARGA

- 3.1. Penyebutharga hendaklah membaca arahan-arahan dan syarat-syarat dalam Dokumen Sebutharga serta menyemak kandungan Dokumen Sebutharga dengan teliti sebelum mengisi borang-borang Sebutharga.
- 3.2. Borang Sebutharga hendaklah diisi dengan lengkap dan jelas mengikut ruangan-ruangan yang disediakan. Borang-borang tersebut hendaklah seboleh-bolehnya ditaip. Jika ditulis tangan, tulisan hendaklah jelas teratur dan boleh dibaca.
- 3.3. Setiap pembetulan atau pindaan yang dibuat hendaklah ditandatangani ringkas dan dicap dengan cap rasmi syarikat setentang dengan pembetulan atau pindaan tersebut.
- 3.4. **Borang-Borang Yang Perlu Diisi**
  - 3.4.1. Jadual Pematuhan Spesifikasi (**Lampiran 4**)
  - 3.4.2. Borang Keterangan Mengenai Penyebutharga (**Lampiran 5**)

- i. Nama Penyebutharga : Nama Syarikat seperti yang didaftarkan dengan Kementerian Kewangan.
- ii. Alamat Perniagaan : Alamat yang betul di mana penyebutharga boleh dihubungi melalui surat. Penyebutharga hendaklah memaklumkan kepada pengurusan sebutharga HOSPITAL SERI MANJUNG jika berlaku pertukaran alamat.
- iii. No. Telefon : Perlu dinyatakan untuk dihubungi
- iv. Taraf Penyebutharga : Nyatakan sama ada taraf Bumiputera atau bukan Bumiputera. Sila sertakan salinan sijil pengesahan taraf Bumiputera oleh Kementerian Kewangan. Ketiadaan sijil tersebut menyebabkan Penyebutharga akan ditakrif sebagai bukan Bumiputera.
- v. Modal Syarikat : Jika bukan Syarikat Sdn. Bhd. atau Berhad nyatakan modal terkumpul iaitu daripada punca-punca seperti wang simpanan, saham dan pinjaman bank.
- vi. Pengalaman : Penyebutharga hendaklah mengisi borang di **Lampiran 6** dengan menyatakan pengalaman dalam bidang bekalan berkaitan (jika ada).

#### 3.4.2 Surat Akuan Penyebutharga (**Lampiran 7**)

Penyebutharga adalah dikehendaki mengisi dan menandatangani borang ini. Sekiranya **borang ini tidak diisi dan ditandatangani tawaran Penyebutharga menjadi tidak sah/laku dan dengan sendirinya tertolak**. Kadar harga satu bulan yang dicatitkan dalam borang **Lampiran 8** mestilah sama dengan kadar harga bulanan/terperinci dalam **Lampiran 9**. Jika terdapat perbezaan harga dalam kedua-dua borang tersebut tawaran **tidak akan dipertimbangkan**.

### 3.4.3 Jadual Harga Sebutharga (**Lampiran 8 dan 9**)

#### 3.4.3.1 Harga Tawaran

Penyebutharga adalah diingatkan bahawa kadar harga sebulan yang ditawarkan adalah hasil daripada kos yang dibuat berpandukan Asas Perkiraan di **Lampiran 9**.

**3.4.3.2** Borang ini perlu ditandatangani dan dicap oleh orang yang diberikuasa oleh syarikat sebagai Penyebutharga. Borang yang tidak bertandatangan dan bercap adalah tidak sah/laku dan tawaran **Penyebutharga menjadi tidak sah/laku dan dengan sendirinya batal dan tertolak**

3.4.3.3 Borang ini perlu diisi dengan lengkap dan dikembalikan.

3.4.3.4 Kadar harga yang ditawarkan dalam Jadual Harga di **Lampiran 8** adalah hasil daripada perkiraan yang dibuat berdasarkan elemen-elemen yang terkandung dalam **Lampiran 9** ini. Semua item yang disenaraikan dalam Lampiran ini perlu diisi. Jika terdapat item yang tidak dikenakan bayaran, maka Penyebutharga perlu menyatakannya sebagai "tidak dikenakan bayaran bagi item ini". Pihak Urus setia akan membuat perkiraan semula ke atas perkiraan ini dan sekiranya jumlah yang dikira semula berbeza dengan jumlah yang dibuat oleh Penyebutharga tawaran Penyebutharga menjadi **tidak sah/laku dan dengan sendirinya tertolak**.

## 3.5 PEMBETULAN DAN PINDAAN KESILAPAN

Semua pembetulan/pindaan ke atas kesilapan-kesilapan yang dibuat terutamanya dalam Jadual Harga dan Surat Akuan Penyebutharga hendaklah ditandatangan ringkas oleh orang yang menandatangani dokumen Sebutharga serta dicapkan dengan cap Penyebutharga (syarikat). Tandatangan ringkas ini hendaklah dibuat setentangan dengan kesilapan yang dibetulkan/dipinda. Pembetulan/pindaan hendaklah dibuat dengan jelas supaya mudah dibaca.

## 4.0 DOKUMEN-DOKUMEN TAWARAN PENYEBUTHARGA

### 4.1 DOKUMEN TAWARAN TEKNIKAL

4.1.1 Pada peringkat penyediaan cadangan teknikal, Penyebutharga dikehendaki mencetak satu (1) set jadual spesifikasi lampiran 4, 5 dan 6 untuk dimasukkan sebagai dokumen wajib dalam sampul teknikal.

4.1.2 Penyebutharga adalah diingatkan supaya tidak mencatat apa-apa nama, maklumat atau petanda syarikat di atas dokumen ini. HOSPITAL SERI MANJUNG mempunyai hak untuk menolak/mengeluarkan dokumen tersebut daripada proses penilaian

teknikal jika didapati apa-apa nama, maklumat atau petanda syarikat di atas dokumen ini.

#### 4.2 DOKUMEN TAWARAN KEWANGAN

- 4.2.1 Pada peringkat penyediaan cadangan kewangan, Penyebutharga dikehendaki **mencetak satu (1) set jadual tawaran harga lampiran 7, 8, 9 dan 10 untuk dimasukkan sebagai dokumen wajib dalam sampul kewangan.**
- 4.2.2 Harga yang ditawarkan hendaklah juga termasuk **caj kenaan (“charge”) sebanyak 0.4% bagi setiap transaksi yang** disempurnakan.
- 4.2.3 HOSPITAL SERI MANJUNG tidak akan bertanggungjawab di atas kegagalan penerimaan Cadangan Kewangan dan Cadangan Teknikal serta kegagalan menerima Dokumen Sokongan atau kehilangan borang-borang berkaitan Sebuthargatersebut.

#### 5.0 PENGHANTARAN DOKUMEN SEBUTHARGA

4.7 **SAMPUL A** (Dokumen Teknikal) mengandungi:

- a) **Lampiran 4** : Jadual Pematuhan Spesifikasi Teknikal
- b) **Katalog (jika ada)**
- c) **Lampiran 5** : Keterangan Mengenai Penyebutharga
- d) **Lampiran 6** : Senarai Pengalaman Bekalan

Di sudut sebelah bawah kiri sampul dan dicatat perkataan:

**SULIT**

**HSM/2018/SH/16**

**SEBUTHARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR REAGEN RENTAL SECARA PUKAL  
UNTUK UJIAN RUTIN BLOKIMIA BERSAMA AUTOMATED ANALYSER  
DI HOSPITAL SERI MANJUNG BAGI TEMPOH ENAM (6) BULAN**

**DOKUMEN TEKNIKAL**


4.8 **SAMPUL B** mengandungi :

- a) **Lampiran 7** : Surat Akuan Penyebutharga
- b) **Lampiran 8** : Jadual Harga Tawaran
- c) **Lampiran 9** : Jadual Harga Tawaran Terperinci
- d) **Lampiran 10** : Surat Akuan Pembida



- e) **Lampiran 11** : Borang Servis Penyelenggaraan Dan Maklumat Kakitangan
- f) **Lampiran 12** : Surat Perwakilan Kuasa
- g) Penyata Akaun Bank Terkini
- h) Salinan Sijil Pendaftaran Kewangan yang masih sah
- i) Salinan Sijil Pendaftaran GST
- j) Salinan Sijil Akaun Bumiputera
- k) Salinan Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang masih sah
- l) Salinan Sijil Peranti Perubatan (MDA)
- m) Profail syarikat terkini

Di sudut sebelah bawah kiri dan dicatat perkataan:-



- 5.4 Dokumen Sebutharga yang lengkap termasuk **SAMPUL A dan B** hendaklah dimasukkan **ke dalam satu sampul surat lain berlakri** dan ditanda pada bahagian atas sampul surat itu dengan butir-butir berikut:-

<b>Kod Sebutharga</b>	<b>:</b>	<b>050201 DAN 060101</b>
<b>No. Sebutharga</b>	<b>:</b>	<b>HSM/2018/SH/16</b>
<b>Tajuk Sebutharga</b>	<b>:</b>	<b>Sebutharga Membekal dan Menghantar Reagen Rental Secara Pukal Untuk Ujian Rutin Biokimia Bersama Automated Analyser Di Hospital Seri Manjung Bagi Tempoh Enam (6) Bulan</b>
<b>dan dialamatkan kepada</b>	<b>:</b>	<b>Pengarah Hospital, Hospital Seri Manjung 32040 Seri Manjung Perak</b>

- 5.5 Sebutharga yang dihantar dengan tangan hendaklah dimasukkan sendiri oleh Penyebutharga ke dalam Peti Sebutharga yang disediakan di **Pejabat Pentadbiran, Hospital Seri Manjung** tidak lewat daripada tarikh dan masa yang telah ditetapkan. Sebutharga yang lewat akan **ditolak**.

5.6 HOSPITAL SERI MANJUNG **tidak akan bertanggungjawab** di atas kehilangan dokumen-dokumen Sebutharga yang dihantar:-

i. Hantar Sendiri Dengan Tangan

Memasukkan dokumen Sebutharga dalam peti Sebutharga yang salah.

ii. Melalui Pos/Agen Penghantaran

Hilang semasa dalam perjalanan pos atau penghantaran.

5.7 Penyebutharga menanggung sendiri semua kos yang terlibat berhubung dengan Sebutharga yang disertainya.

5.8 Sebarang pertanyaan mengenai urusan Sebutharga ini boleh dikemukakan kepada Unit Perolehan, HOSPITAL SERI MANJUNG menerusi talian: **05-6896604/6952; En. Kalaivanan Muniandy/Pn Noor Syuhada bt Muhamad**

## 6. PERINGATAN MENGENAI RASUAH

6.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

6.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau Balai Polis berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ( Akta 694 ).

## 7.0 SKOP TUGAS

7.1 Penyebutharga yang berjaya akan bertanggungjawab untuk **Sebutharga Membekal dan Menghantar Reagen Rental Secara Pukul Untuk Ujian Rutin Biokimia Bersama Automated Analyser Di Hospital Seri Manjung Bagi Tempoh Enam (6) Bulan** (selepas ini disebut sebagai **HOSPITAL SERI MANJUNG**)

7.2 Pihak Kerajaan boleh menambah atau mengurangkan kuantiti 'Barang- barang' dengan memberi notis kepada kontraktor dan sebarang perubahan kepada Harga Kontrak adalah tertakluk kepada persetujuan kedua-dua pihak.

## 8. TEMPOH SAHLAKU TAWARAN

- 8.1 Tempoh sahlaku sebut harga ini adalah selama **90 hari** bermula daripada tarikh sebut **harga ditutup**. Tempoh ini boleh dengan persetujuan bersama dilanjutkan jika dan apabila perlu.

## 9. SETUJU TERIMA SEBUT HARGA

- 9.1 Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga jua pun. Keputusan sebut harga adalah muktamad. Kerajaan tidak akan melayan sebarang surat menyurat yang berupa rayuan daripada penyebutharga berkenaan sebab-sebab sebut harga mereka tidak berjaya.

- 9.2 Penyebutharga yang berjaya dikehendaki:

9.2.1 Tidak boleh menolak tawaran. Nama penyebutharga akan dikemukakan kepada Kementerian untuk tindakan menggantung pendaftaran jika penyebutharga menolak tawaran.

9.2.2 Menandatangani satu perjanjian kontrak dengan Kerajaan Malaysia dan adalah terikat dengan syarat-syarat yang terkandung dalam perjanjian dan syarat-syarat sebut harga.

9.2.3 Penyebutharga juga akan dikehendaki menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya.

## 10. MENARIK BALIK TAWARAN/ MENOLAK TAWARAN

- 10.1 Penyebutharga tidak boleh menarik balik tawaran sebelum sebutharga dipertimbangkan atau menolak tawaran setelah sebutharga dipertimbangkan ataupun menolak tawaran setelah tawaran dibuat. Jika penyebutharga menarik diri atau menolak tawaran, nama petender akan dikemukakan kepada pihak berkuasa (Kementerian Kewangan) untuk tindakan selanjutnya.

## 11. POLISI INSURANS

- 11.1 Kontraktor dikehendaki mengambil polisi insurans bagi Insurans Tanggungan Awam, Insurans Pampasan Pekerja dan lain-lain polisi yang difikirkan perlu dan diminta oleh Kerajaan atas perbelanjaan sendiri. Polisi insurans yang diperakui dan resit ke atas premium yang dibeli itu hendaklah dikemukakan kepada Kerajaan dalam masa (14) hari selepas notis penerimaan tawaran (jika berkaitan).

**12. BAYARAN KEPADA PENYEBUTHARGA BERJAYA**

12.1 Penyebutharga yang terpilih sebagai pembekal perlu mengemukakan invoice berdasarkan perkhidmatan sebagaimana yang ditetapkan di dalam jadual pelaksanaan perjanjian kontrak untuk proses bayaran. Jumlah yang tercatat di dalam kontrak adalah jumlah maksimum dan jumlah sebenar akan ditentukan oleh kualiti/kuantiti perkhidmatan yang disediakan (termasuk pemotongan di atas ketidakpatuhan kontrak, jika berkaitan)

**13. PENGIKLANAN**

13.1 Penyebutharga yang berjaya tidak dibenarkan menyiarkan iklan mengenai kejayaan di dalam sebarang akhbar atau alat pengiklanan yang lain melainkan jika pengiklanan telah dihantar kepada dan diluluskan oleh Kerajaan terlebih dahulu.

**14. TEMPOH PERBEKALAN**

14.1 Penyebutharga yang berjaya dikehendaki membuat pembekalan pertama dalam tempoh **4 minggu** selepas penerimaan Surat Setuju Terima ditandatangani dan boleh berfungsi dengan sempurna sebagaimana spesifikasi. Maklumat ini perlu dinyatakan secara jelas dalam **Lampiran Q** dan **Lampiran 7 (Jadual Tawaran Harga)**.

14.2 Kegagalan penyebutharga yang berjaya membekalkan bekalan seperti yang dikehendaki menyebabkan penyebutharga boleh dikenakan penalti kelewatan sebanyak 0.05% sehari dari jumlah nilai keseluruhan perolehan.

**15. PINDAAN**

15.1 **HOSPITAL SERI MANJUNG** berhak meminda atau membatalkan mana-mana dokumen yang membentuk sebahagian daripada pelawaan sebutharga ini, pada bila-bila masa tanpa memberi notis terlebih dahulu untuk menguatkuasakan perubahan dalam polisi atau membetulkan mana-mana yang silap, tertinggal, tidak jelas atau tidak selaras yang mungkin timbul selepas pelawaan sebutharga ini dikeluarkan.

**16. JAMINAN**

16.1 **HOSPITAL SERI MANJUNG** boleh menukar mana-mana barangan yang didapati rosak atau 1 tidak boleh digunakan dan menggantikannya dengan baru; dan

16.2 Penyebutharga tidak akan mengenakan kos tambahan terhadap perkara di atas.

**17. PENAMATAN KONTRAK**

- 17.1 Tiada ganti rugi atau sebarang tuntutan boleh dibuat oleh pihak penyebut harga yang Berjaya jika penamatan ini dibuat oleh pihak kerajaan;
- 17.2 Kerajaan berhak menamatkan kontrak jika penyebutharga tidak mematuhi perjanjian syarat atau perjanjian yang ditandatangani penyebutharga;
- 17.3 Gagal memulakan Perkhidmatan dalam tempoh seminggu selepas tarikh mula kontrak.

**18. KRITERIA PEMILIHAN**

Pertimbangan akan diberi keutamaan kepada perkara-perkara berikut;

- 18.1 Latar belakang, pengalaman dan rekod syarikat.
- 18.2 Mempunyai kakitangan/pekerja yang berpengalaman, mencukupi dan bersesuaian dengan kerja dan skop/spesifikasi perkhidmatan;
- 18.3 Kemantapan kewangan, Syarikat **DIWAJIBKAN** mengemukakan Penyata Kewangan Bank bagi (3) bulan terkini.

**19. HARGA DAN INSURAN**

- 19.1 Harga bersih bagi tiap-tiap alat yang ditawarkan mestilah dalam matawang Ringgit Malaysia (RM) sahaja dan hendaklah termasuk semua kos menghantar, memasang dan menguji perkakasan dan perisian tersebut.
- 19.2 Harga yang ditawarkan mestilah tidak melebihi dua angka perpuluhan. Sebagai contoh: RM0.12/unit.
- 19.3 Harga yang ditawarkan hendaklah sah selama tempoh tidak melebihi empat puluh lima (45) hari dari tarikh bidaan atas talian dan tidak boleh dilanjutkan.

**20. BON PELAKSANAAN**

- 20.1 Sebelum sesuatu kontrak bekalan/perkhidmatan yang melebihi nilai RM200,000.00 tetapi tidak melebihi RM500,000.00 disempurnakan, Penyebutharga yang berjaya adalah dikehendaki menyerahkan bon pelaksanaan 2.5% dari jumlah harga kontrak kepada Kerajaan Malaysia. Bagi kontrak bekalan/perkhidmatan yang melebihi RM500,000.00 jumlah bon pelaksanaan ialah 5% daripada jumlah harga kontrak.

- 20.2 Bon pelaksanaan hendaklah dalam bentuk jaminan bank dari bank berdaftar di Malaysia yang diluluskan. Bagi kontrak yang bernilai tidak melebihi RM500,000.00 jaminan insuran dari syarikat-syarikat insuran yang berdaftar di Malaysia yang diluluskan boleh diterima selain daripada jaminan bank.
- 20.3 Bon pelaksanaan hendaklah sah laku tidak kurang dari dua belas (12) bulan selepas tamat tempoh jaminan. Penyebutharga yang berjaya dan telah mengikat kontrak dikehendaki membayar tuntutan gantirugi sekiranya didapati pihak Penyebutharga tersebut melanggar syarat-syarat kontrak (*breach of contract*) dan disabitkan kesalahan.

## 21. PEMBAYARAN

- 21.1 Semua pembayaran dibuat dalam Ringgit Malaysia (RM).
- 21.2 Pembayaran kepada setiap tuntutan dibuat dalam tempoh tujuh (7) hari selepas disahkan oleh Pegawai yang diberi kuasa.

## 22. PEMBUNGKUSAN

Penyebutharga hendaklah memastikan barang-barang yang dibekalkan dibungkus mengikut keperluan bagi mengelak kerosakan, kemalangan yang mungkin berlaku semasa diangkut. Pembungkusan hendaklah tahan kepada cara pengendalian yang kasar, perubahan cuaca yang ketara, garam dan mendapan semasa dalam perjalanan dan penyimpanan secara terbuka. Sekiranya terdapat kerosakan pada peralatan dan perisian disebabkan perkara di atas, Penyebutharga hendaklah bertanggungjawab terhadap kerosakan tersebut.

## 23. PENDAFTARAN DENGAN JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

- 23.1 Mengikut Akta 762, iaitu Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, ertinya –
- Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pengenaan dan pemungutan cukai barang dan perkhidmatan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.
- 23.2 Pengenaan dan skop cukai barang dan perkhidmatan
- Para 9 (1) Suatu cukai yang dikenali sebagai cukai barang dan perkhidmatan, hendaklah dikenakan dan dilevikan ke atas –
- a) Apa-apa pembekalan barang atau perkhidmatan yang dibuat di Malaysia, termasuk apa-apa yang dikira sebagai suatu pembekalan di bawah akta ini; dan
  - b) Apa-apa pengimportan barang ke Malaysia.

- 23.3 Seseorang adalah dikehendaki untuk berdaftar di bawah Cukai Barangan dan Perkhidmatan (CBP) / (GST) jika perolehan bercukai tahunannya melebihi RM 500,000. Seseorang itu termasuk individu, pemilik tunggal, perkongsian, syarikat, pemegang amanah, pertubuhan, kesatuan, kelab persatuan atau mana-mana organisasi termasuk jabatan kerajaan atau pihak berkuasa tempatan yang terlibat di dalam perniagaan yang membuat pembekalan bercukai di Malaysia.
- 23.4 Dokumen tawaran yang dikemukakan (pembelian terus, lantikan terus, sebutharga dan tender) oleh syarikat hendaklah dikemukakan tanpa kenaan GST.
- 23.5 Syarikat hendaklah mengisytiharkan status pendaftaran dan mengemukakan nombor pendaftaran GST kepada agensi.
- 23.6 Sekiranya syarikat yang berjaya adalah berdaftar GST dengan JKDM, Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri akan mengeluarkan SST/Pesanan Tempatan/Inden Kerja kepada syarikat dengan tawaran termasuk kenaan GST.
- 23.7 Bagi syarikat yang mengisytiharkan tidak dikenakan cukai di bawah Akta GST, namun akan menjadi syarikat yang berdaftar GST setelah ditawarkan perolehan tersebut Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri akan mengeluarkan SST dengan syarat tambahan bahawa syarikat hendaklah berdaftar dengan JKDM. Nombor pendaftaran GST hendaklah dikemukakan sebelum apa-apa pembayaran dibuat.

#### **24. PENDAFTARAN DENGAN PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN (MEDICAL DEVICE AUTHORITY)**

- 24.1 Mengikut seksyen 2, Akta 737, 'establismen' ertinya –
- a) Seseorang yang sama ada pembuat, pengimport, atau pengedar yang bertanggungjawab bagi meletakkan apa-apa peranti perubatan dalam pasaran tetapi tidak termasuk peruncit; dan
  - b) Seorang wakil diberi kuasa yang dilantik oleh pembuat yang mempunyai tempat perniagaan utama di luar Malaysia,
- Dan wakil diberi kuasa merupakan –
- a) Seorang yang berdomisil atau bermastautin di Malaysia atau
  - b) Suatu firma atau syarikat yang ditubuhkan di bawah undang-undang
- 24.2 Pihak pembekal perlu memastikan peralatan/bekalan yang dibekal mempunyai lesen daripada Pihak Berkuasa Peranti Perubatan.

## JADUAL 1

## SENARAI SEMAK

Sila tandakan  bagi dokumen-dokumen yang disertakan.

Bil	Perkara	Lampiran	Untuk Di Tanda Oleh	
			Syarikat	Jawatankuasa Pembuka Sebutharga
	<b><u>DOKUMEN SOKONGAN</u></b>			
1	Senarai Semak ( <i>Check List</i> )	Jadual 1		
2	Keterangan Mengenai Penyebutharga	Lampiran 4		
3	Jadual Pematuhan Kepada Spesifikasi Teknikal	Lampiran 5		
4	Senarai Pengalaman Bekalan	Lampiran 6		
5	Surat Akuan Penyebutharga	Lampiran 7		
6	Jadual Tawaran Harga	Lampiran 8		
7	Jadual Tawaran Harga Terperinci	Lampiran 9		
8	Surat Akuan Pembida	Lampiran 10		
9	Borang Servis Penyelenggaraan Dan Maklumat Kakitangan	Lampiran 11		
10	Surat Perwakilan Kuasa	Lampiran 12		
9	Penyata Akaun Bank (3 bulan berturut) <b>Januari 2018 , Februari 2018 dan Disember 2017 (WAJIB)</b>			
10	Surat Jaminan dari Pembuat / Pengeluar (Jika berkaitan)			
11	Satu salinan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan yang masih sah dilampirkan. (Kod bidang <b>050201/060101 – Peralatan dan Kelengkapan Perubatan/Kimia Makmal ) - WAJIB</b>			
12	Satu salinan Sijil Akuan Bumiputera Kementerian Kewangan (jika ada) yang masih sah dilampirkan			
13	Profail Syarikat - <b>WAJIB</b>			
14	Tempoh Penghantaran Bekalan. ( <b>Sila Nyatakan</b> ) - <b>WAJIB</b>			
15	Borang Lampiran Q telah diisi dengan lengkap termasuk nilai tawaran, cop syarikat dan ditandatangani - <b>WAJIB</b>			
16	Berdaftar/Mempunyai lesen dengan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) (Lampirkan dokumen yang berkaitan)			
17	Berdaftar dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Salinan Sijil No. Pendaftaran GST) - jika ada			



**PENGESAHAN OLEH SYARIKAT**

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebutharga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.

Tandatangan:

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

**UNTUK KEGUNAAN JABATAN**

Jawatankuasa Pembuka Sebutharga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. \_\_\_\_\_ (jika ada).

Tandatangan:

Nama Pengerusi:

Jawatan:

Tarikh:

Tandatangan:

Nama Ahli I:

Jawatan:

Tarikh:

Bila menjawab sila nyatakan nombor ini

NO SEBUTHARGA : HSM/2018/SH/16

(Kew.284-Pin.5/94)

KERAJAAN MALAYSIA  
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)  
NEGERI PERAK

**SEBUT HARGA UNTUK BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA**

Kepada :

Pelawaan Sebut Harga dikeluarkan oleh :

No.Tel :

**PENGARAH**

No. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan :

**d/a UNIT PEROLEHAN**Kod Bidang Pendaftaran yang relevan dengan perolehan ini :  
**050102 DAN 060101****HOSPITAL SERI MANJUNG****32040 SERI MANJUNG, PERAK****No. Tel : 05-6896604/6952/6622****No. Faks : 05-6884013****Emel : kvanan@moh.gov.my**

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan/perkhidmatan/kerja yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan :-

- 1.1 Syarat penyerahan/penyempurnaan : **SILA LIHAT SYARAT-SYARAT AM YANG DIKEPILKAN**
- 1.2 Tarikh penyerahan/penyempurnaan dikehendaki : seperti tersebut dalam syarat-syarat sebutharga ini
- 1.3 Arahan Perkhidmatan :
- 1.4 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul berlakri dan bertanda No. Sebut Harga : **HSM/2018/SH/16**
- 1.5 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada jam 12.00 Tengahari, Tarikh : **6/4/2018** di dalam Peti Sebut Harga No : **1**
- 1.6 Tempoh sah laku sebut harga hendaklah 90 hari selepas tarikh tutup
- 1.7 Sila sertakan :
  - a) Salinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan dan Kod Bidang yang berkaitan serta Sijil Akuan Taraf Bumiputera (jika ada) untuk perolehan Bekalan dan Perkhidmatan.
  - b) Salinan Sijil PKK/CIDB/Kod Bidang Kerja yang berkaitan untuk perolehan Kerja

Tarikh : **28/3/2018**

Tandatangan : .....

Nama Pegawai : .....

Jawatan : .....

BUTIRAN	PERIHAL BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA DAN SYARAT-SYARAT KHAS	UNIT UKURAN	KUANTITI/ KEKERAPAN	KADAR (RM)	HARGA (RM)
1.	SEBUTHARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR REAGEN RENTAL SECARA PUKAL UNTUK UJIAN RUTIN BIOKIMIA BERSAMA AUTOMATED ANALYSER DI HOSPITAL SERI MANJUNG BAGI TEMPOH ENAM (6) BULAN  Skop pembekalan seperti di LAMPIRAN 4 Tawaran harga secara terperinci seperti di LAMPIRAN 9	UNIT	PUKAL		

(i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih (tanpa GST) ; dan

(ii) Tarikh penyerahan/penyempurnaan ialah.....

Saya/Kami dengan ini menawarkan untuk membekalkan bekalan/perkhidmatan/kerja di atas dengan harga dan syarat-syarat yang ditunjukkan di atas dengan tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan

Penyebut Harga : .....

Nama dan K/P : .....

Tarikh : .....

Alamat Syarikat : .....

**LAMPIRAN 1****SYARAT-SYARAT AM SEBUTHARGA**

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebutharga.

**1. KEADAAN BARANG**

Semua barang hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

**2. HARGA**

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

**3. SEBUTHARGA SEBAHAGIAN**

Sebutharga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

**6. BARANG-BARANG SETARA**

Sebutharga boleh ditawarkan bagi barang-barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

**5. PENYETUJUAN**

5.1. Kerajaan tidak terikat untuk menyetujui terima sebutharga yang terendah atau mana-mana sebutharga

5.2. Tiap-tiap satu butiran akan dipertimbangkan sebagai suatu sebutharga yang berasingan.

**6. PEMERIKSAAN**

6.1. Kerajaan adalah sentiasa berhak menghendaki barang-barang itu diperiksa atau diuji oleh seseorang pegawai yang dilantik olehnya dalam masa pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan.

6.2. Penyebutharga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

**7. PERAKUAN MENYATAKAN PENENTUAN TELAH DIPATUHI**

Penyebutharga dikehendaki memperakui bahawa barang-barang perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut penentuan atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

**8. PENOLAKAN**

8.1. Barang-barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada barang-barang yang telah dipersetujui sebutharga boleh ditolak.

8.2. Apabila diminta penyebutharga hendaklah menyebabkan barang-barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan per-belanjanya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai barang-barang yang ditolak itu.

8.3. Fasal-kecil (8.1) dan (8.2) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kemungkiran kontrak.

**9. PENGIKLANAN**

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebutharga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

**10. TAFSIRAN**

